

Soalan (S): Pada pemilihan UMNO nanti, wajar atau tidak jawatan presiden dan timbalan dipertandingkan dan mengapa?
Prof Datuk Dr Kassim Thukiman, Prof Adjung di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
 Saya berpendapat jawatan presiden dan timbalan presiden UMNO wajar dipertandingkan atas beberapa sebab. Pertama, ia menggambarkan UMNO masih relevan dalam politik Malaysia.

Ia turut menggambarkan semangat dan falsafah demokrasi masih dipertahankan dalam UMNO. Ia turut membolehkan wujudnya era transisi kepemimpinan untuk kelangsungan politik UMNO pada masa depan.
 Di samping itu, ia bertujuan menarik sokongan anak muda supaya kembali kepada penghayatan perjuangan UMNO yang sebenar.

Prof Madya Dr Mohd Mahadee Ismail, Ketua Jabatan Keneperajaan & Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM)
 Selain jawatan presiden dan timbalan presiden UMNO, saya berharap semua jawatan dipertandingkan sebagai pengertihan proses demokrasi. Jawatan dalam parti tidak boleh dijumpudkan kepada orang tertentu sahaja.

Peguam merangkap pemersuasi politik, Datuk Shamsuddin Nawawi
 Jawatan presiden dan timbalan presiden wajar dipertandingkan kerana ia sudah lama tertangguh. UMNO memerlukan mandat baharu dari ahli untuk menentukan siapa patut memimpin parti. Kalau tiada pemilihan, sia-sia usaha selama ini untuk meminda perlembagaan parti. Perlu sedar, sudah lama dicanangkan UMNO adalah parti mengamalkan demokrasi.

Dr Muhamad Azwan Abd Rahman, Felo Institut Kajian Malaysia & Antarabangsa (IKMAS) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
 Mengambil kira realiti dalam pasca pembentukan Kerajaan Perpaduan dan juga hakikat politik di Malaysia, wajar

Pertandingan 2 jawatan tertinggi suburkan demokrasi UMNO

Perhimpunan Agung Khas UMNO pada 15 Mei lalu meluluskan usul meminda perlembagaan parti secara sebulat suara yang antara lain membolehkan pemilihan parti diadakan tidak lebih daripada enam bulan selepas pilihan raya umum (PRU) diadakan. Berdasarkan tarikh PRU15 yang diadakan pada 19 November lalu, bermakna UMNO perlu mengadakan pemilihan parti selewat-lewatnya Mei depan. Namun, dalam tempoh menjelang pemilihan UMNO, ada cadangan supaya jawatan presiden dan timbalan presiden tidak ditandingi, dan tidak kurang juga suara mendesak pertandingan diadakan untuk semua jawatan atas nama demokrasi. Malah, ada pihak mahukan penyandang jawatan presiden dan timbalan presiden UMNO ketika ini digantikan dengan pemimpin baharu susulan kekalahan teruk dialami parti dalam PRU15. Justeru, Perhimpunan Agung Khas UMNO akan diadakan pada 11 hingga 14 Januari ini menjadi tumpuan kerana mungkin menyaksikan usul dua jawatan itu tidak dipertandingkan. BH mendapatkan pandangan lima penganalisis dan pemerhati politik mengenai hala tuju kepemimpinan pasca PRU15.

Oleh Mohd Anwar Patho Rohman
 wanawar@bh.com.my

untuk jawatan presiden dan timbalan presiden UMNO dipertandingkan.

Ini kerana 'keabsahan' kedua-dua pemimpin UMNO yang ada dalam Kerajaan Perpaduan perlu diuji sebagai dukungan moral akar umbi di samping boleh menjalankan tanggungjawab di peringkat persekutuan dengan lebih meyakinkan.

Sebelum ini, ada beberapa kali dua jawatan tertinggi parti itu tidak dipertandingkan, namun di bawah kepemimpinan Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi pertandingan diadakan pada pemilihan parti 2018 dan beliau menang jawatan presiden. Saya yakin beliau akan mengulangi sikap terbukanya. Tambahan dengan kepercayaan dan kedudukan sekarang dalam kabinet Kerajaan Perpaduan sebagai Timbalan Perdana Menteri, ia bakal mempengaruhi sokongan besar kepada Ahmad

Zahid dan Datuk Mohamad Hasan untuk mempertahankan dua jawatan ini.

Prof Dr Awang Azman Awang Pawi, Pensyarah di Jabatan Sosiobudaya Universiti Malaya (UM)
 Saya berpendirian tidak wajar jawatan presiden dan timbalan presiden dipertandingkan. Kerajaan Perpaduan baru dibentuk, sekali gus memerlukan peminat utama khususnya presiden dan timbalan presiden UMNO untuk memastikan kestabilan dalam kerajaan yang baru ditubuhkan.

Tempoh ini kritikal bagi UMNO untuk melakukan pemulihan. Sebelum PRU15, UMNO bukan sahaja berdepan dengan musuh politik dari luar, tetapi terdapat ahli dan pemimpin dalam UMNO dilihat cuba bersekutu dengan Perikatan Nasional (PN).
 Ini jelas apabila ada pemimpin menyertai PAS, ada pula

seolah-olah bersuara seperti musuh parti, ada dilihat masih mengkritik kepemimpinan parti sendiri untuk mempopularkan diri seolah-olah pemilihan parti sedangkan ia mood PRU. Ini menyebabkan UMNO kalah teruk.

S: Sejah mana gandingan Ahmad Zahid dan Mohamad dilihat relevan untuk terus memimpin UMNO hingga PRU16.

Pada hemat saya, Ahmad Zahid dan Mohamad bukan isu. UMNO boleh menang PRU16 dengan syarat pemimpin UMNO dalam Kerajaan Perpaduan menunjukkan kesungguhan bekerja dengan kuat di Kementerian masing-masing. Mereka perlu menjayakan dasar kerajaan dalam kepentingan rakyat, terutama menangani isu kos sara hidup rakyat.

Mereka juga perlu terbabit melaksanakan reformasi da-

lam pentadbiran, khususnya tatakelola kerajaan. Contohnya, UMNO juga perlu menolak lantikan politik dalam syarikat berkaitan kerajaan (GLC), agensi kerajaan atau badan berkanun.

Di samping melaksanakan tugas di Kementerian masing-masing, pemimpin UMNO perlu selalu turun padang bersama rakyat untuk menyelesaikan masalah mereka. Inisiatif itu dapat mematahkan persepsi negatif rakyat terhadap UMNO.

Mohd Mahadee: Jika Ahmad Zahid dan Mohamad terus memimpin UMNO, saya rasa UMNO semakin sukar untuk mendapat sokongan pada PRU akan datang. Ahli UMNO mungkin akan terpecah kepada dua blok utama iaitu kumpulan Ahmad Zahid dan kumpulan pencabar yang mahukan perubahan.

Lihat Muka 7

Dari Muka 6

Dalam hal ini, Ahmad Zahid perlu berjiwa besar untuk beri laluan kepada kepemimpinan baharu seperti dilakukan Datuk Seri Najib Razak apabila UMNO kalah teruk pada PRU14.

Shamsuddin: Jika Ahmad Zahid dan Mohamad hendak terus memimpin UMNO, mereka mesti mendapat mandat baharu daripada ahli.

Kalau mereka masih dikehendaki memimpin, itu bukti kepemimpinan mereka tidak dipersoalkan dan dasar mereka diterima baik ahli. Kalau mereka kalah, bermakna UMNO mahu pimpinan baharu.

Kalau kehendak ahli disekat dengan adanya dasar tidak perlu ada pertandingan, itu berarti ahli tidak diberi ruang menyuarakan kehendak mereka. UMNO sebuah parti yang sudah masak dengan pertandingan dan ia membantu UMNO kekal subur lebih 70 tahun.

Muhamad Azwan: Pada pandangan saya, UMNO sudah melakukan reformasi terbesar apabila bersetuju bergabung dengan parti politik berbeza langsung dari segi fitrah perjuangan demi kelangsungan dan kestabilan politik.

Apabila ada sesetengah pemimpin menyatakan UMNO perlu mengubah pemimpin jika hendak meremajakan parti, ia sesuatu perlu dilihat dari segi petunjuk ini.

UMNO perlu melahirkan pemimpin parti semakin luwes serta moderat untuk bekerjasama bagi kelangsungan politik dan susun atur strategi politik secara menyeluruh, di samping mengekalkan sikap neokonservatif.

Apakah UMNO boleh menang? Tempoh lima tahun adalah satu jangka masa panjang. Sekiranya tindakan pemimpin UMNO kini berasaskan prestasi bersama Kerajaan Perpaduan tatkala kembali kepada perjuangan bagi membela bukan sahaja Melayu, Islam, tetapi hak kaum lain, ia pasti meyakinkan akar umbi.

Awang Azman: Pada zaman pentadbiran Tun Dr Mahathir Mohamad, Tun Abdullah Ahmad Badawi dan Najib juga ada usul untuk mereka terus menjadi presiden untuk menguatkan parti mereka. Tiada pula bantahan.

Jika Ahmad Zahid dan Mohamad terus memimpin UMNO sehingga PRU16, ini mampu membawa UMNO ke landasan baharu lebih baik kerana Kerajaan Perpaduan pimpinan Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak campur tangan hal ehwal politik dalaman UMNO.

Penyertaan BN dalam Kerajaan Perpaduan sesuai dengan titah Yang di-Pertuan Agong. Maka mereka perlu diberi peluang untuk bergerak

Sokongan akar umbi usaha pastikan parti kekal relevan



Perhimpunan Agung Khas UMNO pada 11 hingga 14 Januari ini menjadi tumpuan. (Foto hasan)

ke depan bersama Kerajaan Perpaduan.

Tambahan pula ramai melihat keserasian tinggi gandingan Ahmad Zahid dengan Anwar. Hubungan mereka bukan baharu, malah sangat lama rapat sejak Anwar berada dalam UMNO, sama-sama pernah ditahan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) kerana keyakinan dan nauri perjuangan politik.

S: Apakah reformasi yang perlu dilakukan UMNO untuk kekal relevan?

Kassim: Kepemimpinan UMNO perlu melaksanakan reformasi dengan mewujudkan barisan kepimpinan baharu supaya wujud pelan penggantian tersusun untuk meneruskan perjuangan UMNO. UMNO perlu mengenal pasti bakat kepemimpinan cemerlang pada semua peringkat. Ia termasuk memperkasa program latihan dan pembangunan (T&D) untuk setiap peringkat.

Reformasi parti akan menunjukkan kesungguhan kepimpinan parti menarik sokongan anak muda kepada parti. UMNO boleh mengambil pengalaman Parti Demokrat Liberal (LDP) di Jepun, yang kembali berpengaruh selepas melaksanakan rejuvinasi dan reformasi.

Mohd Mahadee: Jika tiada reformasi dalam kepemimpinan UMNO, saya rasa UMNO akan terus kehilangan ahli dan semakin sukar mendapat sokongan orang Melayu. Mungkin lebih ramai ahli UMNO akan beralih ke BERSATU dan PAS.

Datuk Shamsuddin: Reforma-

si dalam UMNO semestinya dari pemimpin muda. Pemimpin lama pun boleh ubah UMNO. Apa yang penting ialah mendengar dan menerima pandangan ahli di bawah.

Kalau pimpinan baharu dan muda tidak mendengar dan menerima pandangan serta kehendak ahli di bawah, maka tiada akan berlaku reformasi. Yang penting pemimpin tua dan lama perlu terima pemimpin baharu dan muda dan begitu juga sebaliknya.

UMNO mesti ada ideologi. Yang perlu reformasi ialah ideologi UMNO mengikut keadaan semasa. Tidak boleh lagi guna ideologi lawan Malayan Union untuk masa ini. Ideologi kini ialah apa? Itu yang perlu difikirkan. Adakah masih perjuangan Melayu atau perlu tukar kepada perjuangan Malaysia berbilang kaum, agama dan bangsa. Itu yang bakal menentukan hidup mati UMNO.

Muhamad Azwan: Ideologi UMNO cenderung kepada neo-konservatif. UMNO akan kekal dengan pendekatan begitu, tetapi soalnya ialah di dalam UMNO siapakah boleh mengubah tingkah laku neo-konservatif ini.

Sekiranya ada pemimpin baharu membawa idea berbeza dengan disebarkan, adakah dia pula akan diterima akar umbi yang subjektif selesa dengan pemikiran begitu.
 Pada saya, ia bukan tergantung kepada pemimpin baharu semata-mata, tetapi cara penyesuaian pemimpin sedia ada dengan peta politik di Malaysia yang sudah berubah sama sekali tetapi berupaya kekal dengan pendekatan neo-konservatif. Itu akan membawa kepada perubahan

dan peluang UMNO pada masa depan.

Awang Azman: Peluang UMNO untuk melakukan pembaharuan tetap ada khususnya menerusi pemilihan parti membabitkan jawatan naib presiden dan ahli Majlis Kerja Tertinggi (MKT).

Calon seperti Datuk Johari Abd Ghani, Isham Jalil adalah antara boleh bersama-sama berganding bahu bekerjasama dengan kepimpinan presiden dan timbalan presiden.

Datuk Seri Dr Noraani Ahmad juga sesuai dikekalkan sebagai Ketua Wanita UMNO, manakala Datuk Seri Azalina Othman Said juga sesuai untuk dipilih sebagai naib presiden.

Bagi saya, pembaharuan dalam UMNO bukanlah secara individu, akan tetapi secara berpasukan, sama-sama memberikan komitmen, setia kepada parti, susah dan senang bersama, tidak menjauhkan atau mengkritik parti ketika parti lemah, tidak khianat atau menikam dari belakang.

S: Jika pembaharuan memerlukan perubahan dalam kepemimpinan, siapa antara calon yang wajar diangkat memimpin UMNO?

Kassim: Ramai dalam kalangan pemimpin muda boleh dan mampu meneruskan perjuangan UMNO pada masa depan. Ia termasuk Khairy Jamaluddin, Johari Ghani, Datuk Dr Assyraf Wajdi Dusuki, Isham Jalil, Shahril Sufian Hamdan, Datuk Mohd Shahar Abdullah, selain orang lama seperti Mohamad Hasan, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin.

Mohd Mahadee: Saya lihat

trio yang boleh membawa nafas baharu untuk UMNO ialah Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, Datuk Seri Hishammuddin Hussein dan Khairy, selain Shahril Sufian, Mohamed Khaled dan Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz.

Shamsuddin: Pembaharuan atau reformasi mesti bermakna tiada lagi perengai sekat atau cantas mereka yang bagus untuk menjadi pemimpin. Pemimpin bagus boleh jadi mereka yang tua atau muda. Kalau digandingkan lagi bagus asalkan saling menghormati satu sama lain.

Pemimpin sesuai untuk jawatan presiden dan timbalan serta naib presiden mesti diterima bukan sahaja oleh ahli UMNO, tetapi oleh semua rakyat Malaysia. Rakyat Malaysia mahukan pemimpin berintegriti, tiada kecenderungan melakukan jenayah terutama rasuah dan salah guna kuasa. Siapa yang ada pakej itu layak bertanding. Pemimpin UMNO mesti diyakini rakyat untuk memimpin negara.

Kalau hanya mampu memimpin UMNO tetapi tidak mampu menang PRU, ia tidak sesuai untuk memimpin UMNO. Itu pun kalau UMNO masih mahu memimpin Malaysia. Kalau hanya mahu pimpin UMNO di ruang legar Pusat Dagangan Dunia (WTC) dan lobi hotel, rakyat tidak akan sokong mereka.

Muhamad Azwan: Pada pandangan saya, antara yang boleh ditonjolkan adalah mereka yang mengisi jawatan dalam Kabinet Kerajaan Perpaduan, seperti Azalina, Datuk Seri Zamry Kadir, Datuk Seri Dr Shamsul Anwar Nasarah, Mohamed Khaled.

Selain itu, antara pemimpin muda yang boleh diketengahkan adalah Johari Ghani, Khairy, Isham Jalil, Assyraf Wajdi, Shahril Sufian dan Datuk Seri Razali Ibrahim serta beberapa lagi yang mempunyai persona tersendiri.

Awang Azman: Apa pun keputusan sama ada jawatan presiden dan timbalan presiden dipertandingkan atau sebaliknya, terpalang kepada keputusan hasil perbincangan dan perbahasan dalam MKT UMNO untuk menentukannya. MKT adalah mandat dan suara akar UMNO terbesar dan bukannya suara beberapa individu. Jadi ini juga adalah antara bahagian proses demokrasi sistem parti UMNO yang perlu dihormati.

ANTARA CALON DICADANG UNTUK MEMIMPIN UMNO



Mohamad Hishammuddin Ismail Sabri Mohamed Khaled Johari Khairy Assyraf Wajdi